

Jadilah usahawan tulen

Orang Melayu mesti berfikir mengenai cara baru untuk menjadi usahawan yang benar-benar berjaya dengan melihat peluang baru berpotensi untuk diceburi

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan
Perdana Menteri

Oleh ROSNI HASSAN

MELAKA 5 Sept. - Orang Melayu diminta menjadi usahawan tulen yang boleh berjaya dengan usaha sendiri dan bukannya mengambil kesempatan daripada penglibatan mereka dalam politik untuk mencipta kejayaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau tidak mahu wujudnya usahawan disifatkan sebagai 'dua alam' iaitu menyertai politik tetapi pada masa sama mahu mendapatkan peluang perniagaan.

Ini kerana beliau percaya orang Melayu berupaya mencapai kejayaan dalam perniagaan dan menjadi usahawan berjaya sekiranya mereka berfikir secara kreatif dan inovatif dengan melahirkan idea baru dalam bidang itu.

"Jangan ingat nak jadi kumpulan G-7 sahaja," katanya ketika berucap pada majlis Perasmian Penutup Konvensyen Melayu Melaka Maju 2010 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Ketua Menteri Meleka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Menurut Najib, orang Melayu mesti berfikir mengenai cara baru untuk menjadi Usahawan yang benar-benar berjaya dengan melihat peluang baru berpotensi untuk diceburi.

Beliau percaya orang Melayu mampu menjadi usahawan yang boleh dibanggakan

dan disegani kerana mengambil kira orang Melayu sekarang sudah berani.

Sambil mengambil contoh kejayaan Datuk Azhar Mansor yang belayar mengelilingi dunia dan Datuk Malik Maidin yang berenang merentasi Selat Inggeris, beliau berkata, mereka adalah contoh orang Melayu yang berani.

"Maka saya percaya kita ada orang yang boleh menjadi usahawan tulen, mustahil tak ada orang Melayu boleh menjadi sedemikian," katanya.

Sejajar dengan itu, beliau mahu matlamat melahirkan lebih ramai usahawan tulen menjadi agenda orang Melayu dalam usaha membangunkan ekonomi mereka kerana perniagaan merupakan sumber bagi menjana kekayaan.

Katanya, kekayaan boleh dibina menerusi pelbagai cara termasuk melalui teknologi seperti dilakukan oleh pengasas Microsoft, Bill Gates yang kini bergelar jutawan.

"Kita mesti jadi Melayu Glokal yang berpaksikan kepada akal tradisi dan berfikir kelas pertama dengan akal kita berfikir untuk ke peringkat antarabangsa," ujarnya.

Dalam pada itu, Najib menarik perhatian, kepimpinan yang dibawa oleh UMNO adalah kepimpinan transformasi iaitu memberi tumpuan kepada visi dan misi untuk mengubah martabat bangsa ke arah kebaikan dan kejayaan.

Menurut beliau, dengan adanya kepimpinan transformasi yang berteraskan kepada usaha mengangkat martabat bangsa ia akan



NAJIB Tun Razak diiringi Mohd. Ali Rustam beramah mesra dengan tetamu pada majlis penutup Konvensyen Melayu Melaka Maju 2010 di MITC, Ayer Keroh, Melaka, semalam.

bawa negara dan orang Melayu ke arah kemajuan.

Katanya, ada juga kepimpinan bersifat popular iaitu yang mahu menang sahaja tetapi beliau percaya kepimpinan transformasi boleh membawa Malaysia menjadi

negara maju pada 2020.

"Kita sudah ada misi dan visi untuk dihayati di peringkat negeri dan daerah supaya kita boleh memperkasakan orang Melayu, mana ada negara lain ada Misi Nasional seperti kita," katanya.